Nama :

Tuliskan nama anda:

Lengkapkan teks di bawah

Pada masa dahulu, petempatan orang Melayu bertumpu di pesisir pantai dan muara serta tebing sungai. Aktiviti utama mereka adalah menangkap ikan, Bertani dan berniaga secara kecil-kecilan. Ada juga sebahagian kecil kaum Melayu yang tinggal di kawasan pentadbiran yang kemudiannya berkembang menjadi bandar.Pada masa ini, kaum Melayu tinggal di kampung dan bandar serta bekerja dalam pelbagai bidang.



Kaum Cina pada masa dahulu bekerja sebagai pelombong, terutamanya di Selangor dan Perak. Ada juga yang berniaga di bandar dan pekan. Oleh itu, mereka merupakan penduduk yang terbesar di bandar dan pekan baharu. Bandar dan pekan baharu ini dibangunkan sebagai pusat perniagaan dan pentadbiran. Pada masa ini, kaum Cina bekerja dalam pelbagai bidang termasuk perniagaan.



LIVEWORKSHEETS

Sebelum merdeka, kaum India kebanyakannya tinggal di kawasan estet disebabkan pekerjaan mereka sebagai buruh atau kakitangan ladang tersebut. Ada juga kaum India yang bertugas dalam perkhidmatan awam dan tinggal di bandar. Pada masa ini, ramai kaum India tinggal di bandar dan pinggir bandar serta berkhidmat dalam pelbagai bidang.



Masyarakat Orang Asli kebanyakannya tinggal di Pahang, Perak, Selangor, Kelantan dan Terengganu. Dahulu, majoriti Orang Asli tinggal di pedalaman. Mereka menjalankan kegiatan mencari hasil hutan, berburu dan menangkap ikan. Pada masa ini, Kawasan petempatan Orang Asli telah mengalami banyak perubahan. Mereka terlibat dalam



LIVEWORKSHEETS